

Pembentukan Masyarakat Islam Dan Sistem Pendidikan Menurut Pemikiran Ibnu Khaldun

Ab. Halim Tamuri¹ & Nur Hanani Hussin²

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia¹

Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia²

tamuri67@gmail.com¹ & hanani.hussin@moe.gov.my²

ABSTRAK

Tujuan utama artikel ini ialah untuk menganalisis pemikiran Ibnu Khaldun dalam pembentukan masyarakat dan bagaimana pendidikan berperanan dalam membangun kemanusiaan. Artikel ini membincangkan cabaran yang dihadapi dalam membangunkan masyarakat Islam pada era globalisasi khususnya dalam konteks Malaysia. Terdapat sekurang-kurang enam aspek utama yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun dalam pembentukan masyarakat iaitu keperluan manusia bersosial dan berkelompok; keperluan untuk saling bekerjasama; kewujudan tujuan yang jelas dan semangat kekitaan dalam kalangan ahli masyarakat; ketua yang baik dan berwibawa; kepatuhan etika dan peraturan serta fungsi pendidikan dalam melahirkan khalifatullah. Ibnu Khaldun telah menegaskan bahawa pendidikan dan guru mempunyai peranan signifikan dalam membangun sesebuah masyarakat Islam yang bersatu padu.

Kata Kunci: Sistem pendidikan Islam, pembangunan masyarakat, guru

ABSTRACT

The main aim of this article is to analyse the Ibnu Khaldun's thought on community development as well as the role of education in developing humanity. This article will discuss the current challenges faced by the Muslim community in era of globalization, particularly in Malaysia. There are at least six main elements discussed by Ibnu Khaldun related with Muslim community development i.e. the need of human being to socialize and live in group, the importance of cooperation, the necessity of clear aim and common group feeling among the members of community; good and credible leaders the requirement to observe ethics and rules; and the role of education in creating khalifatullah. Ibnu Khaldun argued that education and teacher have significant roles in developing a unified Muslim society.

Keywords: Islamic education system, community development, teacher

PENDAHULUAN

Pembentukan masyarakat Islam yang berakhhlak mulia dan mempunyai pegangan kerohanian yang tinggi merupakan salah satu agenda utama negara khususnya Malaysia sebagaimana yang dinyatakan secara eksplisit di dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasrat untuk melahirkan masyarakat yang kukuh dengan sifat-sifat kerohanian serta mempunyai ciri diri yang progresif dan dinamik adalah satu agenda yang besar yang mesti diasaskan kepada kefahaman agama yang benar dan diredhai oleh Allah SWT. Namun, perkembangan mutakhir menunjukkan kepada kita berbagai isu yang melibatkan umat Islam semakin berleluasa dan masyarakat Islam kelihatannya dalam kegawatan apabila menghadapi fenomena ini. Bermula daripada soal akidah, ajaran sesat, pemikiran sekular, liberalisme, pluralisme, ekstremisme sehingga kepada masalah akhlak remaja. Kesemua ini memberikan satu cabaran dan impak baru dalam proses pembangunan masyarakat Islam secara menyeluruh. Usaha menangani isu-isu ini perlu dilakukan secara kolektif tanpa perlu menyalahkan mana-mana pihak kerana tugas membangunkan ummah khususnya generasi muda adalah tanggungjawab bersama.

CABARAN TERHADAP PEMBENTUKAN MASYARAKAT ISLAM

Selepas mencapai kemerdekaan pada pertengahan kedua abad ke-20, negara-negara dunia ketiga terpaksa menghadapi pelbagai masalah sosial, ekonomi dan politik, dalam rangka untuk menjayakan pembentukan identiti nasional, perpaduan negara dan pembangunan masyarakat. Oleh itu, usaha-usaha ke arah mengisi kemerdekaan, pembangunan negara serta mendaulatkan bangsa dan negara merupakan intipati pembangunan negara bangsa (*nation building*) bagi negara-negara ini. Bagaimanapun, dalam usaha untuk menangani masalah-masalah tersebut, memenuhi tuntutan-tuntutan kemerdekaan dan mencapai matlamat pembangunan negara, kebanyakan negara ini telah memilih untuk mengadaptasi model-model pembangunan di barat.

Dengan merujuk secara khusus kepada negara-negara Islam, usaha pembangunan di kebanyakan negara Islam adalah mencontohi prototaip pertumbuhan ekonomi yang dikembangkan oleh ahli-ahli teori dan para perancang barat. Mereka “menjual” idea-idea pembangunan ekonomi dan pendidikan kepada para perancang melalui saluran diplomatik antarabangsa, tekanan ekonomi, pergerakan intelektual, dan cara-cara lain, sama ada dengan cara terbuka ataupun tersembunyi. Akibatnya, apabila model pembangunan yang sedemikian telah dijadikan asas kepada pembangunan ekonomi dan pendidikan bagi sesebuah negara Islam maka sudah tentu ia memberi kesan jangka panjang kepada masyarakat Islam.

Model pembangunan barat, jika dilihat dari sudut falsafah, tidak dapat dipisahkan daripada falsafah kehidupan masyarakat barat sendiri. Perubahan yang paling penting ke arah mencorak dan mencirikan pandangan semesta masyarakat barat tentang diri, alam jagat dan Tuhan Maha Pencipta bermula dengan zaman Renaissance, yang tercetus di pertengahan abad ke-15, dan seterusnya memacu dengan pantas pada abad-abad seterusnya. Banyak kritikan telah pun dilemparkan kepada sistem pembentukan masyarakat barat dijadikan model kerana gagal melahirkan manusia dalam erti kata yang sebenarnya. Malahan, ada yang mengatakan bahawa proses pendidikan dan pembentukan masyarakat di barat membawa kepada proses *dehumanisasi* (penghakisan kemanusiaan manusia).

Isu globalisasi kini telah mewujudkan satu lagi cabaran baru kepada umat Islam dan telah menjadikan dunia ini tanpa sempadan dan kawalan. Proses ini bukanlah satu perkara yang asing dalam Islam kerana Islam itu sendiri adalah agama sangat untuk semua manusia sepanjang zaman. Namun apa yang sedang berlaku sekarang ini amat membimbangkan kerana pengaruh budaya barat itu lebih mendominasi dalam proses globalisasi. Sebagai contoh, satu isu impak globalisasi iaitu masyarakat di seluruh dunia sedang lalui ialah budaya konsumen makanan segera seperti McDonald, Burger King, KFC, Pizza Hut, Domino Pizza dan lain-lain lagi yang akan memasuki masyarakat dan merubah cara pemakanan dan berfikir (Ab. Halim, 2014). Fenomena ini jelas berlaku sekarang yang mana banyak kawasan bandar dan luar bandar telah dibangunkan rangkaian kedai-kedai makanan segera ini.

Seterusnya, globalisasi juga telah memberi kesan kepada masyarakat di negara ini, khususnya di kalangan umat Islam. Cara hidup, nilai kehidupan dan amalan harian juga semakin berubah dengan ketara. Materialisme dan individualisme telah menular dengan hebatnya di dalam masyarakat kita. Kejayaan sering diukur dengan menggunakan piawai yang berasas kebendaan dan bukan kepada pembangunan diri dan akidah. Sehubungan itu, masyarakat Islam kini seharusnya merujuk kepada para pakar dan tokoh Muslim yang telah terlebih terdahulu meneroka ketamadunan manusia sebelum tamadun barat bangun. Malah adalah tidak salah untuk menyatakan bahawa tamadun barat yang bangun pada masa kini adalah berasaskan kepada Tamadun Islam yang dimodifikasi dan dimanipulasikan secara maksima oleh mereka.

Dalam konteks bidang sosiologi dan pembangunan masyarakat, tokoh ilmuan Islam yang terkemuka dan sering dijadikan rujukan sehingga kini ialah Ibn Khaldun. Kitab al-Muqaddimah yang dikarang oleh beliau menjadi rujukan utama dan telah pun diterjemahkan dalam berbagai bahasa serta dikaji oleh para sarjana. Nama penuh beliau ialah ‘Abd al-Ramān b. Muhammad b. Muhammad b. Muhammad b. al-asan b. Jābir b. Muhammad b. Ibrāhīm b. ‘Abd al-Ramān Ibn Khaldūn, beliau dilahirkan di Tunisia pada tahun 1332M (Ibnu Khaldun, 2008; Syed Omar, 2008; Nurul Huda 2008). Pengalaman beliau yang luas sebagai pentadbir negara, penasihat kepada pemerintah dan ulama serta ahli akademik telah memberikan pengetahuan yang mendalam dan signifikan kepada beliau. Sebagai manusia, beliau pasti tidak dapat lari daripada kritikan-kritikan yang diberikan akibat daripada penglibatan beliau bersama para pemerintah dan kerajaan pada waktu itu di beberapa kerajaan Islam seperti di Tunisia, Andalus dan Mesir (Hafidz Hasyim, 2010 & Muhammad Kosim, 2012). Dengan itu, penulisan berdasarkan ilmu dan pengalaman beliau yang dicatatkan dalam kitab al-Muqaddimah perlu dijadikan satu sumber ilmu pengetahuan yang penting dalam aspek sosiologi dan pembentukan masyarakat. Hal ini kerana, Ibnu Khaldun merupakan ilmuan Islam pertama semasa yang berusaha memahami secara rasional dan objektif semua peristiwa dan kejadian yang berlaku dalam masyarakat malah daripada hasil penyelidikannya lahirlah teori-teori universal dalam bidang kemasyarakatan (Hafidz Hasyim, 2010 & Nasir, 2012)

Ibnu Khaldun terlibat secara langsung dalam beberapa era pemerintahan kerajaan Islam, penelitian secara mendalam terhadap pembentukan masyarakat dan bagaimana pula proses kehancuran masyarakat didokumentasikan berdasarkan pengalaman dan pemerhatian beliau. Apa yang berlaku pada waktu itu adalah sesuatu yang sangat besar dalam sejarah tamadun Islam kerana telah berlaku perpecahan, perperangan dan konflik sesama kerajaan Islam di Utara Afrika dan Andalusia. Pemikiran yang dikemukakan oleh beliau dalam al-Muqaddimah berkaitan pembentukan masyarakat perlu dikaji secara mendalam kerana isu yang sama berlegar dalam kalangan umat Islam masa kini. Isu konflik masyarakat Islam perlu ditangani dengan penuh bijaksana dalam usaha melahirkan masyarakat Islam kontemporeri yang bersatu dan progresif. Dalam erti kata lain, satu masyarakat Islam yang mempunyai permuafakatan, kerjasama dan ikatan yang mantap serta kukuh sehingga sukar dipisahkan adalah berteraskan ajaran Islam yang syumul. Maka, perbincangan berkaitan proses pembentukan masyarakat akan digagaskan atas dasar Islam sebagai ad-Din yang syumul sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun dalam kitab al-Muqaddimah.

KONSEP MASYARAKAT MENURUT IBNU KHALDUN

Ibnu Khaldun merupakan tokoh yang mengkaji pembentukan masyarakat pada zamannya malah hasil daripada pengkajiannya telah melahirkan konsep dan teori dalam bidang tersebut. Dalam al-Muqaddimah beliau telah menghuraikan konsep insan yang menjadikan teras dalam pembentukan sesebuah masyarakat. Terdapat sekurang-kurang enam aspek penting yang dikemukakan Ibnu Khaldun dalam persoalan sesebuah masyarakat yang dapat dijadikan asas penting kepada pembentukan masyarakat Islam seterusnya kaitannya dengan bidang pendidikan iaitu:

Pertama; keperluan manusia adalah bersosial dan berorganisasii.

Manusia menurut Ibnu Khaldun adalah “*madaniyyun bi tabi’e*” yang memberi maksud manusia adalah hidup secara berorganisasi, berkelompok, berpolitik dan hidup bersama-sama dalam sesebuah masyarakat (Ibnu Khaldun, 2008). Manusia tidak boleh hidup berseorangan, berdiri sendiri dan tidak boleh menyendirian walaupun dalam hal menyediakan makanan mahupun se-

helai pakaian, ia melibatkan berbagai peringkat manusia dan ahli masyarakat bermula daripada petani hingga kepada pembeli, pengusaha, pengedar dan individu tersebut (Ibnu Khaldun, 2008). *Ijtima' insani* atau organisasi sosial-manusia adalah sesuatu konsep yang mesti dilihat sebagai satu asas kepada pembentukan sesebuah masyarakat. Setiap aktiviti manusia adalah saling berkaitan antara satu sama lain dan perlu diurus dengan penuh hikmah serta bijaksana. Malah tidak mungkin satu bangsa itu hidup bersendirian, negara juga tidak mungkin membangun secara terasing kerana perlu ada hubungan antara negara dan bangsa sama ada dalam aspek kerjasama ekonomi, kepakaran dan kebolehan-kebolehan lain.

Kedua; keperluan untuk saling bekerjasama.

Ibnu Khaldun menegaskan jika konsep *ta'awun* atau pun kerjasama antara sesama manusia yang merupakan “*madaniyyun bi tabi'e*” akan menjadikan keperluan dan kehendak manusia akan dapat dipenuhi dengan sebaiknya. Jika manusia dapat bekerjasama dan hidup secara bersatu maka manusia akan terus hidup dengan sebaiknya. Kerana itu ditegaskan bahawa *al-ijtima'* *dharuriyyun li an-nawi al-insani* - organisasi sosial adalah kemestian bagi manusia dan tanpanya kewujudan manusia tidak akan menjadi sempurna (Ibnu Khaldun, 2008). Allah SWT menciptakan manusia sebagai khalifah dengan tujuan memakmurkan dunia, maka tugas ini perlu dilaksanakan sebaiknya untuk mewujudkan pembangunan *umran* atau pun peradaban.

Ketiga; kewujudan tujuan yang jelas dan semangat kekitaan dalam kalangan ahli masyarakat.

Ibnu Khaldun juga menjelaskan kepentingan kebersamaan dan matlamat satu dan dapat dikongsi bersama oleh ahli-ahli sesebuah masyarakat akan membawa masyarakat tersebut lebih bersatu. Ini lebih jelas kelihatan jika terdapat hubungan darah atau persaudaraan antara mereka kerana ini merupakan sifat semula jadi manusia. Namun, hubungan yang akrab sesama ahli masyarakat boleh mewujudkan hubungan yang positif. Apa yang jelas ialah perasaan bersama dalam kelompok akan menjadikan seseorang bersemangat, berupaya, bersatu bermotivasi secara luaran atau dalaman bagi mencapai sesuatu matlamat yang mana tidak akan tercapai jika dilakukan secara individu (Syed Omar, 2008).

Perasaan saling membantu dan kasih sayang akan terbina dalam masyarakat hasil daripada ikatan perpaduan yang utuh. Malah, satu persefahaman dan hubungan sosial yang baik, ikatan persahabatan, keberkesamaan dalam tempoh yang panjang, merasa kesenangan dan kesukaran bersama dalam berbagai situasi akan mewujudkan satu suasana kerjasama, kekitaan keakraban. Inilah yang kekuatan perpaduan sesebuah masyarakat dan semangat kebersamaan (*group feeling*) ini merupakan elemen utama untuk masyarakat bersatu padu.

Malah jangka hayat sesuatu pemerintahan, ketamadunan dan keagungan sesebuah kota bergantung kepada semangat kekitaan sebagaimana yang beliau perhatikan sendiri berlaku di Tunisia, Morroco, Sepanyol dan Mesir. Hal ini sepatutnya menjadi fokus pihak pemerintah mewujudkan semangat kekitaan yang satu kerana kepelbagaian *group feeling* akan memecah belas perasaan bersatu padu masyarakat tersebut. Ketidak satuan akan menimbul pelbagai persepsi dan kesannya masyarakat tersebut akan berpecah belah berbanding dengan masyarakat yang mempunyai satu *group feeling*.

Ibnu Khaldun mengingatkan bahawa *group feeling* ini perlulah berasaskan kepada Islam yang memastikan kebenaran Islam, kepatuhan kepada perintah dan larangan Allah SWT serta menjaga kepentingan masyarakat awam. Inilah ciri-ciri *group feeling* yang mesti wujud dalam masyarakat Islam. Islam menolak semangat kekitaan yang berlaku pada zaman jahiliyyah yang mengagungkan ketidakadilan, menyokong kezaliman, menjadikan seseorang angkuh dan

sombong, memenuhi tuntuan hawa nafsu dan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah (Syed Omar, 2009). Berteraskan ajaran Islam, maka tugas pemimpin negara perlu menentukan hala tuju masyarakat agar mereka mempunyai gambaran jelas terhadap hala tuju dan kepentingan mereka bersama.

Konsep *good feeling* yang dinyatakan adalah sebenarnya berasaskan kepada istilah *assabiyah* yang boleh dilihat daripada dua sudut pandangan Ibnu Khaldun (Nurul Huda, 2008). Pengertian pertama bermakna positif dengan merujuk pada konsep persaudaraan (*brotherhood*). Dalam sejarah peradaban Islam konsep ini membentuk kesatuan sosial masyarakat Islam untuk saling bekerjasama, mengetepikan kepentingan peribadi (*self-interest*), dan memenuhi kewajiban sesama ahli masyarakat. Semangat ini kemudian mendorong terciptanya keselarasan sosial dan menjadi kekuatan yang sangat hebat dalam menyokong kebangkitan dan kemajuan peradaban. Pengertian kedua membawa kepada maksud negatif, iaitu menimbulkan kesetiaan dan fanatism membawa tuli yang tidak didasarkan pada aspek kebenaran. Konteks pengertian yang kedua ini yang tidak dikehendaki dalam sistem pemerintahan Islam kerana kesan boleh menghakis nilai-nilai kebenaran yang didokong dalam prinsip-prinsip agama Islam syumul.

Keempat: ketua yang baik dan berwibawa.

Ibnu Khaldun menegaskan bahawa manusia sebagai “*madaniyyun bi tabi'e*” yang bermaksud tidak boleh hidup secara bersendirian dan memerlukan bantuan serta sokongan daripada manusia lain. Setiap manusia memerlukan kerjasama, sokongan dan perundingan dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Maka akan berlaku berbagai bentuk tindakan dan situasi hubungan semasa seperti suka, penentangan, tenang, tegang, tekanan, pertentangan, persetujuan yang kadang boleh membawa kepada suasana kacau bilau sehingga kepada peperangan dan persengketaan. Maka, masyarakat memerlukan kepada pemimpin yang mampu mengawal dan membendung pengaruh yang merosakkan masyarakat tersebut (Syed Omar, 2008)

Pemimpin yang berkualiti akan menyatukan masyarakat dan mewujudkan kerjasama yang mantap dalam masyarakat tersebut. Pengaruh dan kuasa yang ada pada seorang pemimpin yang berkaliber memastikan masyarakat bekerjasama dan menyebakan mereka bermotivasi menjaga kepentingan mereka bersama. Dalam konteks menyatupadukan masyarakat, Ibnu Khaldun menegaskan bahawa peranan ketua adalah untuk memastikan seseorang itu melakukan yang baik dan meninggalkan perkara yang merosakkan (Nurul Huda, 2008). Dalam hal ini Syed Omar (2008: 158) turut menjelaskan bahawa:

“When people who have religious coloring come to have the right insight to their affairs, nothing can withstand them, because their outlook is one and their object one of common accord”

Kehidupan bermasyarakat bukan hanya memerlukan semangat kebersamaan sahaja bahkan ketua dan pemimpin yang berkualiti adalah aspek penting untuk memastikan tujuan dan matlamat sesebuah masyarakat dapat tercapai. Ini disebabkan pemimpin tersebut berupaya menyatukan ahli-ahli masyarakat yang mempunyai berbagai ragam dan latar belakang dan mereka saling bekerjasama untuk menjaga kebaikan dan kepentingan bersama. Pemimpin yang diharapkan ialah pemimpin beragama yang mengaplikasi perundangan dan peraturan dalam masyarakat yang berteraskan kepada wahyu Allah SWT. Inilah aspek penting yang akan dapat melahirkan masyarakat Islam yang bersatu dan progresif.

Kelima: Kepatuhan etika dan peraturan.

Pemimpin perlu memastikan semua ahli masyarakat melakukan kebaikan dan menjauhi keburukan dengan mengadakan peraturan dan undang-undang bagi menjamin keadilan,

kepatuhan dan keharmonian sesama mereka. Maka masyarakat perlu kepada tatacara etika atau akhlak yang memandu masyarakat mengamalkan perkara benar atau menjauhi yang salah. Tatacara akhlak ini akan menyatukan pemikiran masyarakat Islam kepada pembentukan ummah yang kukuh (Syed Omar, 2008). Kemampuan manusia melakukan kebaikan ini adalah hasil daripada pemikiran tinggi manusia dan proses ini tidak berlaku kepada haiwan.

Keenam; Fungsi pendidikan dalam melahirkan khalifatullah.

Peranan pendidikan dalam pembentukan masyarakat adalah elemen terpenting dalam pemikiran Ibnu Khaldun. Dalam membincangkan usaha melaksanakan perubahan masyarakat Islam, pendidikan menjadi mekanisme utama diasaskan kepada konsep tauhid adalah menjadi teras kehidupan setiap orang Islam yang tidak memisahkan antara agama dan kehidupan sehari-hari sebagai khalifatullah. Ibnu Khaldun secara panjang lebar menghuraikan aspek penting dalam pendidikan kerana pendidikan merupakan asas yang paling utama dalam pembentukan masyarakat yang progresif. Beliau membicarakan dengan teliti bermula daripada kategori dan jenis ilmu sehingga kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam Bab 6 Kitab al-Muqaddimah (Ibnu Khaldun, 2008)

Ibnu Khaldun menegaskan bahawa asas utama yang membezakan manusia dengan ciptaan-ciptaan Allah SWT lain ialah akal fikiran yang diberikan kepada manusia yang menjadikan manusia sebagai khalifah di dunia ini (Ibnu Khaldun, 2008). Pendidikan perlu berasaskan kepada aspek kerohanian agar manusia yang dididik tersebut patuh dan taat kepada hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah SWT dan akan melahirkan manusia dan ummah yang benar-benar bertanggungjawab sebagai khalifatullah. Dalam mendepani cabaran globalisasi dan membangun umat Islam yang berdaya saing mampu mendepani cabaran semasa, maka pemikiran Ibnu Khaldun boleh dijadikan sebagai salah satu sandaran utama dalam membangun umat Islam. Malah jika dilihat kepada beberapa pandangan pemikir pendidikan masa kini juga mempunyai arah sama sebagaimana konteks pendidikan dunia hari ini, Syed Ali Ashraf (1994:4) telah memberikan pandangan selaras dengan Ibnu Khaldun bahawa:

“Education is therefore defined as the process through which balanced growth of the total personality of human being is achieved. According to Islam the end to be aimed at is the attainment of the status of a true representative of God on the earth (Khalifatullah)”

Malah, konsep “faith and knowledge must go hand in hand” yang diutarakan oleh Syed Ali Ashraf perlu difahami oleh setiap ahli masyarakat. Proses perubahan dan pembaharuan pendidikan Islam perlu bermula daripada kefahaman terhadap konsep ilmu yang menyeluruh berteraskan kepada akidah Tauhid seperti yang tekankan oleh Syed Ali Ashraf :

“Faith and knowledge must go hand in hand. Faith is a spiritual gift and knowledge in an intellectual acquisition through the use of man’s intellect ‘aql. ... Islam does not allow the Muslims to dichotomize life and divide it into that which belongs to God (Divine) and that which belongs to Caesar (secular). Islam wants education to be a process in which curriculum and teaching methods help each individual to unfold its own unique potentiality as a representative of God on the earth (Ashraf 1988: 74).”

KEPENTINGAN PENDIDIKAN DALAM PEMBENTUKAN MASYARAKAT ISLAM

Ibn Khaldun meletakkan pendidikan dalam kerangka tamadun (*al-Umran*). Pendidikan merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan dalam pembentukan masyarakat. Pembentukan masyarakat adalah isi kepada pendidikan (Syahrul Riza, 2008). Penyataan yang dibincangkan sebelum ini

memberikan kefahaman bahawa Ibnu Khaldun menekankan satu konsep pendidikan yang berasaskan kepada kekuatan akidah. Pembentukan masyarakat Islam perlu berpegang kepada akidah yang sahih dan dijadikan tunjang dalam kehidupan umat Islam masa kini yang semakin longgar pegangan Islamnya. Akidah dan ilmu perlu disepadukan bagi memastikan insan yang dididik akan dapat dibentuk sebagai khalifatullah yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Pemisahan antara akidah dan ilmu akan melahirkan manusia yang tidak seimbang dan akhirnya akan mewujudkan kerosakan di muka bumi. Aspek kerohanian dengan sendiri akan dikesampingkan oleh manusia yang menyebabkan wujudnya keterbatasan dalam sumber-sumber ilmu. Sistem pendidikan Islam perlu diperkasakan bagi memartabatkan status dan peranan pendidikan Islam sebagai sistem pendidikan Islam yang bersifat komprehesif sesuai dengan Islam sebagai cara hidup yang syumul. Pendidikan Islam perlu dijadikan satu sistem pendidikan yang sempurna sebagaimana yang dihuraikan oleh Ibnu Khaldun.

Kefahaman yang jelas dan mendalam terhadap konsep pendidikan Islam dan masyarakat Islam akan dapat membangunkan ummah menjadi ummah yang bertaqwa kepada Allah SWT (Ab. Halim et. al., 2013). Penekanan dan tumpuan perlu diberikan terhadap kefahaman konsep pendidikan Islam yang berpaksi kepada paradigma tauhid iaitu mengesakan Allah SWT. Setiap perlakuan yang dilakukan manusia mempunyai hubungan dengan Allah SWT (Hafidz Hasyim, 2010). Paradigma tauhid ini adalah atas kepada proses melakukan pengislaman sistem pendidikan umat Islam yang kini telah dipengaruhi oleh ideologi dan pemikiran barat yang sekular-liberal. Proses pengislahan pendidikan mestilah dimulakan dengan kefahaman yang jelas konsep tauhid dan seterusnya melaksanakan beberapa langkah yang begitu mencabar keupayaan umat Islam masa kini. Dalam usaha memastikan pembentukan masyarakat Islam atau ummah Islam ini berjaya, pendidikan Islam mesti dijadikan sebagai satu sistem pendidikan yang komprehensif dan bukannya sebagai satu mata pelajaran seperti masa kini.

Dalam kitab al-Muqaddimah juga, Ibnu Khaldun menekankan peranan dan fungsi guru dalam mendidik pelajar-pelajar. Hal ini kerana pendidik merupakan komponen penting dalam menentukan kejayaan sesuatu sistem pendidikan. Pembentukan sesebuah masyarakat sangat bergantung kepada pelaksanaan sistem pendidikan yang dibangunkan. Abdullah Al Amin An Naimiy (1994) dan Muhammad Kosim (2012) telah menghuraikan secara terperinci beberapa kaedah utama dan metodologi pengajaran yang disarankan oleh Ibnu Khaldun untuk digunakan oleh para pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran antaranya seperti hafalan, dialog dan perbincangan, lawatan, tunjuk contoh atau *role-modeling*, pengulangan, pengajaran bertahap, dan kaedah khusus pembelajaran al-Quran termasuk kaedah-kaedah dalam bidang bahasa Arab.

Ibnu Khaldun juga dilihat mempunyai pandangan yang sama terhadap profesion pendidikan masa kini yang mana tugas guru atau pendidik adalah satu profesion yang mulia dan dikategorikan sebagai satu kerjaya yang berhak diberikan imbuhan atau pendapatan khusus dan menjadi punca rezeki yang baik (Muhammad Kosim, 2012). Profesion guru adalah satu bidang yang memerlukan kepakaran dan berhak menerima ganjaran berdasarkan ilmu dan keperluan mereka didalam masyarakat. Berikut adalah ringkasan peranan para pendidik berdasarkan pemikiran Ibnu Khaldun (Muhammad Kosim, 2012):

- Guru mesti menjadi teladan kepada murid-muridnya kerana guru sangat mempengaruhi terbentuknya keperibadian anak-anak didik mereka*
- Guru mestilah menguasai kaedah dan pendekatan yang sesuai dengan anak-anak murid agak menepati keperluan mereka*
- Guru mesti mempunyai kompetensi keilmuannya sehingga mampu mengajar anak muridnya*

Guru mesti mendidik anak-anak murid dengan penuh kasih sayang kerana tingkahlaku yang keras dan kasar boleh merosakkan pemikiran mereka

Pengajaran dan pembelajaran perlu dijalankan dengan suasana yang menyeronokkan berdasarkan kepada perkembangan psikologi murid-murid

Murid-murid perlu diberikan motivasi dalam menuntut ilmu dan tidak boleh merasa putus asa jika menghadapi kesukaran dalam pengajaran dan pembelajaran.

RUMUSAN

Dalam menganalisis pemikiran Ibnu Khaldun berkaitan pembentukan masyarakat, dapatlah dirumuskan bahawa asas yang paling utama dihuraikan oleh beliau ialah keperluan berpegang kepada ajaran Islam dalam membangunkan masyarakat. Pegangan agama yang kukuh menurut beliau memantapkan semangat persaudaraan sesama umat Islam dan ini menjadi asas utama untuk bersatu dan maju kehadapan. Islamlah yang memperkuatkkan persaudaraan ini bagi mencapai tujuan dan matlamat yang sama. Malah, kekuatan sebuah pemerintahan dan negara sangat bergantung kepada kekuatan nilai agama yang dipegang oleh setiap ahli masyarakat dan pemimpinnya.

Ibnu Khaldun menekankan kepada kefahaman yang benar terhadap Islam menjadi asas kepada pembentukan masyarakat Islam. Konsep khalifatullah adalah berasaskan kelebihan upaya akal fikiran yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia yang mampu mentadbir dunia. Ternyata bencana intelektual yang menolak agama mendatangkan bahana besar kepada manusia dan kemanusiaan serta pembentukan sesebuah masyarakat yang baik. Manusia kehilangan paksinya setelah menyingkirkan pegangan yang kukuh dalam kehidupan serta sumber yang berwibawa untuk memandu hidup mereka iaitu Islam. Sebaliknya, jika agama dikesampingkan, manusia hanya merujuk kepada nilai-nilai bersifat *profane*, nisbi dan cair yang impaknya kehidupan manusia semakin bercelaru. Maka, model pendidikan baru berteraskan Islam diperlukan untuk dijadikan wadah dan kerangka ke arah matlamat membentuk masyarakat bersatu dan progesif. Apa yang pasti, doktrin berdasarkan Islam terbukti telah mampu melahirkan satu sistem pembangunan insan yang berjaya membina satu tamadun berdasarkan ilmu yang boleh menyelesaikan pelbagai persoalan yang berkaitan dengan manusia dan kemanusiaan.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri (2014). *Pembaharuan kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Islam dan Tajdid. Persatuan Ulama Malaysia:UNISEL.7 September 2014.
- Ab Halim Tamuri, Mohd Yusof Othman, Jawiah Dakir, Ahmad Munawar Ismail dan Zakaria Stapa. (2013). *Religious education and ethical attitude of Muslim adolescents in Malaysia. Multicultural Education & Technology Journal*, 7(4): 257 – 274.
- Abdullah Al Amin An Naimiy. (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibnu Khaldun dan Al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hafidz Hasyim. (2010). *Watak peradaban dalam epistemologi Ibn Khaldun*. *HUMANIORA*, 22(3): 336 – 347.
- Ibnu Khaldun, ‘Abd al-Ramān b. Muhammad. (2008) *Al-Muqaddimah*. Iskandariah: Dar al-Aqidah
- Muhammad Kosim. (2012). *Pemikiran Pendidikan Islam Ibn Khaldun*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta
- Nasir A.Baki. (2012). *Pembinaan Masyarakat Dalam Pemikiran Teologi Ibnu Taimiyah Dan Ibnu Khaldun*. AL-FIKR, 16(2): 156 – 165.

- Nurul Huda (2008). *Pemikiran Ibn Khaldun tentang Ashabiyah*. SUHUF, 20(1): 41 – 52.
- Syahrul Riza. 2008. *Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibn Khaldun: Suatu Kajian Terhadap Elemen-Elemen Kemasyarakatan Islam*. Tesis Sarjana: Universiti Sains Malaysia.
- Syed Ali Ashraf. (1988). A view of education- An Islamic perspective. In Bernadette O'Keeffe (ed.). *Schools for Tomorrow: Building walls or building bridges*, pg 69-79. Sussex: The Falmer Press.
- Syed Ali Ashraf. (1994). Faith-Based Education: A theoretical shift from the secular to the transcendent. *Muslim Education Quarterly*, 11(2): 1-4.
- Syed Omar Syed Agil. (2008). *The Muqaddimah of Ibn Khaldun Religion Human Nature and Economic*. Bangi: KUIS.